

PRIVACY POLICY

Agensi Pekerjaan ELS Sdn Bhd (“TalentTag”), its subsidiaries, associates, affiliates and/or related companies (hereinafter collectively and severally referred to as “TalentTag”, “we”, “us”, “our” and any similar expression thereto) are committed to ensure that your privacy and personal data are protected. This Privacy Policy explains how we collect and use your personal data, the purposes for processing your personal data, the third parties whom we may transfer your personal data to, your rights to request access to, correct and/or update your personal data, how you can instruct us if you have any inquiries, complaints or if you prefer to limit use of that personal data and procedures that we have in place to safeguard your privacy and personal data.

1. Personal data collected

- 1.1 When you conduct business with us, engage our services, advertise with us, register for any of our events, talks or posting job advertisement, submit your resume or CV, application for job openings, register for an account at <https://www.talenttag.asia/> (hereinafter shall be called “TalentTag Site”) and/or otherwise in the course of your dealings with us, we need to know a number of information from you.
- 1.2 The information collected includes your name, address, occupation, job title, e mail address, NRIC No., Passport No., telephone/fax number, photo, education details, employment history, referee contact details other personal/financial information such as salary religion, date of birth, age, gender. interests and other information whichever is applicable (hereinafter referred to as your "personal data").
- 1.3 There will also be circumstances in which we need to collect your sensitive personal data consisting of information such as your personal health and medical records. The processing of your personal data and sensitive personal data (hereinafter collectively and severally referred to as "personal data") is necessary, failing which we will not be able to process your application and/or provide you our services.

2. How we use your personal data

- 2.1 We, our agents, our clients and/or third parties may process your personal data for various purposes including processing your job applications, job advertisements, for recruitment, internal administration and/or providing other services or activities as may be required and allowed under law.
- 2.2 We may also process your personal data for purposes of evaluation, research and development, administration and statistical analysis.
- 2.3 We may share or disclose your personal data to our clients, jobseekers and recruiters (hereinafter collectively referred to as “clients”), business partners and service providers in the course of our business for the above purposes and for the additional purposes identified below:
 - conducting research and development in order for us to monitor, customise and improve our services;
 - to notify you about any special features of the TalentTag Site or any other services, job

postings, candidates, new service offerings, events or talks or third party information, TalentTag newsletter, articles or special promotions which we think may be of interest to you.

- 2.4 We, our business partners and service providers may contact you by post, e-mail, SMS or telephone to seek your feedback and comments for the purposes identified above.
- 2.5 We may also provide your personal data to carefully selected third parties whose products or services we believe may be of interest to you and you hereby expressly consent to the disclosure of your personal data to such selected third parties.
- 2.6 If you no longer wish to receive such information, in the event you have a registered account at the TalentTag Site, you can choose to unsubscribe or to contact us by e-mail to sarah@talenttag.asia with a header entitled "unsubscribe". Please provide us with your full name and details to enable us to identify you. Clients who are jobseekers may choose to control the privacy settings in their registered account at the TalentTag Site.
- 2.7 We will retain your personal data for a reasonable period up to the maximum duration to comply with applicable legal requirements and for our administrative purposes.

3. Our use of cookies and other information gathering technologies

- 3.1 When you visit the TalentTag Site, our web servers automatically collect information about your visit to the pages in the TalentTag Site including your location and IP address, the time, date and duration of your visit to enable us to serve you better.
- 3.2 We may track your visit to the TalentTag Site by placing a "cookie" on your computer's hard drive or mobile phone when you enter the TalentTag Site. "Cookies" are small pieces of information that websites transfer to the hard drive of your computer or mobile phone for record keeping purposes.
- 3.3 The use of cookies is now an industry standard and you will find them used in most major websites. Most browsers are initially set up to accept cookies. If you prefer, you can reset your browser to either notify you when you have received cookies, or to refuse to accept cookies.
- 3.4 You acknowledge that certain areas of certain sites will not function properly if you set your browser to not accept cookies.

4. How we protect your information

- 4.1 You acknowledge that internet and email communications are not a secure medium. We cannot accept any responsibility for any unauthorised access or loss of your personal data, save in accordance with this Privacy Policy.
- 4.2 We have put in place various security procedures, rules and technical measures to protect your personal data from any loss, misuse, modification, unauthorized or accidental access or disclosure, alteration or destruction. All of our employees and data processors, who have access to and are associated with the processing of personal data, are obliged to respect the confidentiality of your personal data.
- 4.3 While we cannot guarantee that loss, misuse or alteration of data will not occur, we will make reasonable efforts to prevent such unfortunate occurrences. Your personal data will be

stored and backed up securely in a restricted and controlled location. Only authorised personnel with user ID and password are allowed access to such information.

5. Accessing and correcting your personal data

- 5.1 Under the Personal Data Protection laws, you have the rights to request access to, correct and/or update your personal data unless compliance of such request is specifically refused under the laws.
- 5.2 You are responsible to provide us with accurate and complete personal data. If any of your personal data has changed or is incomplete or not up-to-date, you should contact us through the details available at paragraph 8 of this Privacy Policy.

6. Your consent

- 6.1 By submitting your personal data through any means, including but not limited to the registration of an account at the TalentTag Site or via email to us, you hereby consent to our processing of your personal data pursuant to this Privacy Policy.
- 6.2 If we change our Privacy Policy, we will email you or post the changes on the TalentTag Site, so that you may be aware of the personal data we collect and how we use it at all times.
- 6.3 You are advised to read this Privacy Policy whenever you visit the TalentTag Site. Your continued access of the TalentTag Site and/or use of our services will signify your acceptance of the contents of this Privacy Policy or any subsequent changes made.
- 6.4 We may transfer your personal data to a location outside Malaysia in the course of conducting our business and providing our services and to our affiliates, associates and business partners located outside of Malaysia. Due to the global nature of the Internet infrastructure, your personal data may be transferred in transit to countries outside Malaysia that may or may not have similar protections in place regarding your personal data and its use as set out in this Privacy Policy. By submitting your personal data and/or the continued use of our services, you consent to these transfers.

7. Linked Sites and Third Parties

- 7.1 The TalentTag Site may contain links to third party sites. We will always try to make it clear that when a user is leaving the TalentTag Site, we are not responsible for such third party sites and any personal data made available by you in such sites will not have the benefit of this Privacy Policy and will be subject to the relevant third party's privacy policy (if any).

8. How to contact us

- 8.1 If you would like to contact us with regard to any inquiries, complaints, to limit the processing of your personal data or to request access to, correction of and/or to update your personal data, please contact our Data Protection Officer via the following contact information:

Address

Unit 13-07, Level 13, Tower A,

Vertical Business Suite, Avenue 3,
Bangsar South, No.8, Jalan Kerinchi,
59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Telephone No.: 603-2389 3331

Email address: sarah@talenttag.asia

The English version of this Privacy Policy shall take precedence over the Malay version should there be any conflict between the two.

DASAR PRIVASI

Agensi Pekerjaan ELS Sdn Bhd ("TalentTag"), anak-anak syarikatnya, syarikat-syarikat bersekutunya, gabungan dan/atau syarikat-syarikat berkaitan dengannya (selepas ini secara bersama dan berasingan dirujuk sebagai "TalentTag", "kami", "kita", dan apa-apa ungkapan yang serupa dengannya) adalah komited dalam memastikan bahawa privasi dan data peribadi anda dilindungi. Dasar Privasi ini menerangkan bagaimana kami mengumpul dan menggunakan data peribadi anda, tujuan-tujuan pemprosesan data peribadi anda, pihak-pihak ketiga yang kami boleh pindahkan data peribadi anda kepada, hak-hak anda untuk meminta akses kepada, membetulkan dan/atau mengemaskini data peribadi anda, bagaimana anda boleh mengarahkan kami jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, aduan atau jika anda ingin menghadkan penggunaan data peribadi tersebut dan prosedur-prosedur yang kami ada untuk melindungi privasi dan data peribadi anda.

1. Data peribadi yang dikumpul

- 1.1 Apabila anda menjalankan perniagaan dengan kami, menggunakan perkhidmatan kami, beriklan dengan kami, mendaftar untuk mana-mana acara-acara, ceramah atau mengiklankan iklan-iklan pekerjaan kami, mengemukakan *resume* atau CV anda, permohonan untuk peluang-peluang pekerjaan, mendaftar untuk akaun di <https://www.talenttag.asia/> (selepas ini akan dirujuk sebagai "Laman TalentTag") dan/atau sebaliknya dalam perjalanan urusan anda dengan kami, kami perlu mengetahui maklumat-maklumat anda.
- 1.2 Maklumat yang dikumpul termasuk nama, alamat, pekerjaan, jawatan, alamat e mel, No. K/P, No. Pasport, nombor telefon/faks, gambar, maklumat pendidikan, sejarah pekerjaan, butiran kenalan penyokong, maklumat peribadi/kewangan yang lain seperti gaji, agama, tarikh lahir, umur, jantina, minat dan maklumat lain anda yang berkenaan (selepas ini dirujuk sebagai "data peribadi" anda).
- 1.3 Terdapat juga keadaan di mana kami perlu mengumpul data peribadi sensitif anda yang mengandungi maklumat seperti rekod peribadi kesihatan dan perubatan anda. Pemprosesan data peribadi dan data peribadi sensitif anda (selepas ini secara bersama dan berasingan dirujuk sebagai "data peribadi") adalah perlu, jika tidak kami tidak akan dapat memproses permohonan anda dan/atau memberikan anda perkhidmatan kami.

2. Bagaimana kami menggunakan data peribadi anda

- 2.1 Kami, ejen-ejen kami, pelanggan-pelanggan kami dan/atau pihak-pihak ketiga boleh

memproses data peribadi anda untuk pelbagai tujuan termasuk memproses permohonan pekerjaan anda, iklan pekerjaan anda, untuk perekrutan, pentadbiran dalaman dan/atau memberikan perkhidmatan atau aktiviti-aktiviti lain sebagaimana yang dikehendaki dan dibenarkan di bawah undang-undang.

- 2.2 Kami juga boleh memproses data peribadi anda untuk tujuan penilaian, penyelidikan dan pembangunan, pentadbiran dan analisa statistik.
- 2.3 Kami mungkin berkongsi atau mendedahkan data peribadi anda kepada pelanggan pelanggan kami, pencari-pencari kerja dan perekrut-perekrut (selepas ini dirujuk secara bersama sebagai "pelanggan-pelanggan"), rakan-rakan perniagaan dan pembekal-pembekal perkhidmatan dalam perjalanan perniagaan kami untuk tujuan-tujuan di atas dan bagi tujuan-tujuan tambahan yang dinyatakan di bawah:
 - menjalankan penyelidikan dan pembangunan untuk membolehkan kami memantau, menyesuaikan dan memperbaiki perkhidmatan kami;
 - untuk memaklumkan kepada anda tentang mana-mana ciri-ciri istimewa Laman TalentTag atau mana-mana perkhidmatan lain, pengumuman pekerjaan, calon calon, perkhidmatan-perkhidmatan baru yang ditawarkan, acara-acara atau ceramah atau maklumat pihak ketiga, surat berita Laman TalentTag, artikel artikel atau promosi-promosi khas yang kami fikir mungkin menarik minat anda.
- 2.4 Kami, rakan-rakan perniagaan dan pembekal-pembekal perkhidmatan kami mungkin menghubungi anda melalui pos, e-mel, SMS atau telefon untuk mendapatkan maklum balas dan komen anda bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas.
- 2.5 Kami juga boleh memberikan data peribadi anda kepada pihak-pihak ketiga yang dipilih dengan teliti yang mana produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatannya kami percaya mungkin menarik minat anda dan anda dengan ini bersetuju dengan nyata kepada pendedahan data peribadi anda kepada pihak-pihak ketiga yang dipilih tersebut.
- 2.6 Jika anda tidak lagi ingin menerima maklumat sedemikian, sekiranya anda mempunyai akaun berdaftar di Laman TalentTag, anda boleh memilih untuk menghentikan langganan atau menghubungi kami melalui e-mel kepada sarah@talenttag.asia dengan tajuk "unsubscribe". Sila berikan kami nama penuh dan butir-butir anda untuk membolehkan kami mengenal pasti anda. Pelanggan pelanggan yang merupakan pencari-pencari kerja boleh memilih untuk mengawal tetapan privasi di akaun berdaftar mereka di Laman TalentTag.
- 2.7 Kami akan menyimpan data peribadi anda untuk tempoh yang munasabah sehingga tempoh maksimum untuk mematuhi keperluan perundangan yang berkenaan dan untuk tujuan pentadbiran kami.

3. Penggunaan *cookies* dan teknologi-teknologi mengumpul maklumat kami yang lain

- 3.1 Apabila anda melawat Laman TalentTag, pelayan web kami secara automatik mengumpul maklumat mengenai lawatananda ke halaman-halaman di Laman TalentTag termasuk lokasi

dan alamat IP anda, masa, tarikh dan tempoh lawatan anda untuk membolehkan kami untuk melayani anda dengan lebih baik.

- 3.2 Kami boleh menjejaki lawatan anda ke Laman TalentTag dengan meletakkan "*cookie*" pada pemacu keras komputer atau telefon mudah alih anda apabila anda memasuki Laman TalentTag. "*Cookies*" adalah cebisan kecil maklumat yang laman web pindahkan ke pemacu keras komputer atau telefon bimbit anda untuk tujuan penyimpanan rekod.
- 3.3 Penggunaan *cookies* kini merupakan piawaian industri dan anda akan mendapati mereka digunakan di kebanyakan laman-laman web utama. Kebanyakan pelayar pada mulanya ditetapkan untuk menerima *cookies*. Jika anda mahu, anda boleh menetapkan semula pelayar anda untuk sama ada memaklumkan anda apabila anda menerima *cookies*, atau untuk tidak menerima *cookies*.
- 3.4 Anda mengakui bahawa kawasan-kawasan tertentu laman web tertentu tidak akan berfungsi dengan baik jika anda menetapkan pelayar anda untuk tidak menerima *cookies*.

4. Bagaimana kami melindungi maklumat anda

- 4.1 Anda mengakui bahawa internet dan komunikasi e-mel bukan perantara yang selamat. Kami tidak boleh menerima apa-apa tanggungjawab bagi sebarang akses tanpa kebenaran atau kehilangan data peribadi anda, melainkan selaras dengan Dasar Privasi ini.
- 4.2 Kami telah menetapkan pelbagai prosedur-prosedur keselamatan, peraturan-peraturan dan langkah-langkah teknikal untuk melindungi data peribadi anda daripada apa-apa kehilangan, salah guna, pengubahsuaian, akses atau pendedahan yang tidak dibenarkan atau tidak sengaja, perubahan atau pemusnahan. Semua pekerja-pekerja dan pemproses-pemproses data kami, yang mempunyai akses kepada dan berkait dengan pemprosesan data peribadi, mempunyai tanggungjawab untuk menghormati kerahsiaan data peribadi anda.
- 4.3 Walaupun kami tidak dapat menjamin bahawa kehilangan, penyalahgunaan atau perubahan data tidak akan berlaku, kami akan membuat usaha yang munasabah untuk menghalang kejadian tidak diingini yang sedemikian. Data peribadi anda akan disimpan dan disokong ('*backed up*') dengan selamat di lokasi yang terhad dan terkawal. Hanya kakitangan yang diberi kuasa dengan ID pengguna dan kata laluan adalah dibenarkan akses kepada maklumat sedemikian.

5. Mengakses dan membetulkan data peribadi anda

- 5.1 Di bawah undang-undang Perlindungan Data Peribadi, anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada, membetulkan dan/atau mengemaskini data peribadi anda melainkan pematuhan permintaan tersebut ditolak secara khusus di bawah undang-undang.
- 5.2 Anda bertanggungjawab untuk membekalkan kami dengan data peribadi yang tepat dan lengkap. Jika mana-mana data peribadi anda telah berubah atau tidak lengkap atau tidak dikemas kini, anda perlu menghubungi kami melalui butiran yang terdapat di perenggan 8 Dasar Privasi ini.

6. Kebenaran anda

- 6.1 Dengan memberikan data peribadi anda melalui apa jua cara, termasuk tetapi tidak terhad kepada pendaftaran suatu akaun di Laman eLawer atau melalui e-mel kepada kami, anda

dengan ini bersetuju untuk pemprosesan data peribadi anda oleh kami menurut Dasar Privasi ini.

- 6.2 Sekiranya kami mengubah Dasar Privasi kami, kami akan menghantar email kepada anda atau menyatakan perubahan-perubahan tersebut di Laman TalentTag, supaya anda mengetahui data peribadi yang kami kumpulkan dan bagaimana kami menggunakannya pada setiap masa.
- 6.3 Anda dinasihatkan untuk membaca Dasar Privasi ini setiap kali anda melawat Laman TalentTag. Akses berterusan anda kepada Laman TalentTag dan/atau penggunaan perkhidmatan kami akan menandakan penerimaan anda terhadap kandungan Dasar Privasi ini atau sebarang perubahan yang dibuat.
- 6.4 Kami mungkin memindahkan data peribadi anda ke lokasi di luar Malaysia dalam perjalanan mengendalikan perniagaan kami dan memberikan perkhidmatan kami dan kepada gabungan-gabungan, syarikat-syarikat bersekutu dan rakan-rakan perniagaan kami yang terletak di luar Malaysia. Oleh sebab sifat infrastruktur global Internet, data peribadi anda mungkin akan dipindahkan dalam transit ke negara-negara di luar Malaysia yang mungkin atau mungkin tidak mempunyai perlindungan yang sama mengenai data peribadi anda dan penggunaannya seperti yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini. Dengan memberikan data peribadi anda dan/atau penggunaan berterusan perkhidmatan kami, anda bersetuju dengan pemindahan ini.

7. Laman Web Berkaitan dan Pihak Ketiga

- 7.1 Laman TalentTag mungkin mengandungi pautan ke laman pihak ketiga. Kami akan sentiasa cuba untuk menyatakan bahawa apabila pengguna meninggalkan Laman TalentTag, kami tidak bertanggungjawab terhadap laman-laman web pihak ketiga tersebut dan apa-apa data peribadi yang dibekalkan oleh anda dalam laman-laman tersebut tidak akan mendapat manfaat daripada Dasar Privasi ini dan akan tertakluk kepada dasar privasi pihak ketiga yang berkenaan (jika ada).

8. Bagaimana untuk menghubungi kami

- 8.1 Jika anda ingin menghubungi kami mengenai apa-apa pertanyaan, aduan, untuk mengehadkan pemprosesan data peribadi anda atau untuk meminta akses kepada, membuat pembetulan terhadap dan/atau untuk mengemas kini data peribadi anda, sila hubungi Pegawai Perlindungan Data kami melalui maklumat hubungan berikut:

Alamat
Unit 13-07, Level 13, Tower A,
Vertical Business Suite, Avenue 3,
Bangsar South, No.8, Jalan Kerinchi,
59200 Kuala Lumpur, Malaysia

No. Telefon: 603-2389 3331

Alamat e-mel: sarah@talenttag.asia

Versi Bahasa Inggeris Dasar Privasi ini akan diguna pakai sekiranya berlaku apa-apa percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia.